

DAJJAL

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu Wa Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Ta'ala

Sesungguhnya kiamat telah semakin hampir sebagaimana firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah al-Qamar ayat 1:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَقْرَبَتِ السَّاعَةُ وَأَنْشَقَّ الْقَمَرُ



Yang bermaksud: *“Telah hampir saat (kedatangan hari kiamat) dan terbelahlah bulan.”*

Antara fitnah akhir zaman yang paling dibimbangi oleh Baginda Rasullulah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah turunnya Dajjal. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menggalakkan umatnya agar memohon perlindungan kepada Allah Subhanahu Wa Ta’ala daripada fitnah Dajjal. Ramai umat Islam hari ini tidak mengetahui berkaitan Dajjal dan fitnah-fitnahnya. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَا بَيْنَ خَلْقِ آدَمَ إِلَى قِيَامِ السَّاعَةِ خَلْقٌ أَكْبَرُ مِنَ الدَّجَالِ

Yang bermaksud: *“Tiadalah fitnah yang paling besar antara penciptaan Nabi Adam hingga hari kiamat melainkan (fitnah) Dajjal.”*

Hadis ini menjelaskan tentang besarnya fitnah Dajjal, seolah-olah fitnah ini menjadi syarat yang menunjukkan kesesatan manusia adalah disebabkan oleh dajjal. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud yang bermaksud: *“Sesungguhnya aku telah menceritakan kepada kamu tentang Dajjal. Walau bagaimanapun aku tetap bimbang sekiranya kamu masih tidak faham. Sesungguhnya Masih al-Dajjal itu seorang lelaki yang pendek, berjalan kenggang, rambut kerinting, buta sebelah matanya, tidak terlalu menonjol dan tidak terlalu tenggelam. Jika masih belum jelas juga, maka ketahuilah bahawa Tuhan kamu tidak buta sebelah.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Ta’ala

Rasullulah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan kepada kita bahawa sebelum keluarnya Dajjal, akan keluar terlebih dahulu fitnahnya yang

merosakkan akidah umat Islam. Sabda baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَخْرُجَ ثَلَاثُونَ كَذَّابًا دَجَالًا كُلُّهُمْ يَكْذِبُ عَلَى اللَّهِ وَعَلَى رَسُولِهِ

Yang bermaksud:” Tidak akan berlakunya kiamat sehingga keluar 30 pendusta Dajjal yang semuanya berdusta atas nama Allah dan Rasulnya.

Hadis ini menunjukkan muncul ramainya pendusta yang memesongkan akidah umat Islam serta melebarluaskan fitnah mereka kepada umat Islam seperti Musailamah al-Kazzab, Ajaran Qadiani, fahaman Komunis, liberal dan sebagainya sehinggalah keluarnya Dajjal sebenar pada akhir zaman nanti.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Ta’ala

Dalam menjalani kehidupan kita akhir zaman ini, Rasullulah Sallallahu Alaihi Wasallam memberikan kita banyak panduan untuk menyelamatkan diri daripada fitnah Dajjal. Antaranya hendaklah kita menjauhkan diri daripada Dajjal dan pengikut setianya.

Dajjal akan menunjukkan pelbagai tipu dayanya yang tidak terduga oleh manusia seperti menghidupkan orang yang mati, menurunkan hujan serta merta atau boleh menjadikan kawasan tersebut kering kontang serta merta dan ia menawarkan syurga kepada pengikut setianya.

Kita disunatkan membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat serta tambahkanlah ilmu pengetahuan dan perbanyakkan amal saleh sebagai benteng diri daripada fitnah Dajjal. Lazimilah membaca al-Quran.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنَ الدَّجَالِ -
قَالَ شُعْبَةُ مِنْ آخِرِ الْكَهْفِ

Yang bermaksud: "Barangsiapa yang menghafal 10 ayat terawal surah al-Kahfi atau 10 ayat terakhir daripada surah al-Kahfi menurut riwayat Syu'bah maka terhindarlah dia daripada fitnah Dajjal."

Tidak ada sesiapa pun yang mampu membunuh Dajjal melainkan Nabi Isa alaihissalam sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Nisa ayat 159:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ ۖ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا ﴿١٥٩﴾

Yang bermaksud: "Dan tidak ada seorang pun daripada ahli kitab melainkan dia beriman kepada Nabi Isa sebelum matinya dan hari kiamat kelak Nabi Isa akan menjadi saksi terhadap mereka."

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ